

HANA GOLD secara rasminya pada 1 Mac 2013, melantik pakar ekonomi Islam terkenal negara iaitu **Ustaz Dr. Zaharuddin Abdul Rahman** sebagai penasihat syariah Hana Gold.



Ketua Pegawai Eksekutif Hana Gold, **Datuk Hairulazwan Tamam** berharap perlantikan itu dapat mempertajamkan lagi landasan syarikatnya mematuhi setiap transaksi mengikut hukum syariah.

Jelas Datuk Hairulazwan, pelaksanaan strategik ketetapan syariah bagi modul penjualan Hana Gold seperti mengurangkan masa tempahan 30 hari kepada tiga hari bekerja bagi Produk Express

"Selain itu, semua pembelian bagi produk Jongkong Emas, Syiling Emas, Dinar dan Dirham perlu secara tunai dan sebarang kelewatan bayaran atau serahan dalam tempoh tiga hari

berkerja adalah transaksi haram riba," katanya.

Jelasnya, Hana Gold juga menawarkan transaksi jualan patuh syariah, jaminan ketulinan, harga terendah, 100 peratus jaminan penghantaran produk serta jualan tanpa caj upah.

Tambahnya, Hana Gold kini turut menjelajah seluruh negara melalui Seminar Ledakan Emas secara percuma untuk membina kesedaran rakyat negara ini tentang kesedaran penyimpanan emas.

Selain itu, peserta bertuah berpeluang mendapat hadiah emas serta lawatan ke kilang pemprosesan emas Hana Gold di Pulau Pinang.

"Hana Gold turut memperkenalkan syiling emas seberat 0.2 gram berketulenan 24k 999.9 yang merupakan syiling emas terkecil dan teringan di dunia.



www.hanagold.com.my

"Malah, kami memperkenalkan program terbaharu iaitu promosi Kiosk Hana Gold dengan modal permulaan perniagaan RM50,000 berbanding nilai sebenar iaitu RM100,000," ujar Datuk Hairulazwan.

Bagi Dr. Zaharuddin, rakyat negara ini tidak perlu berasa ragu-ragu untuk melakukan urusan niaga bersama Hana Gold.

"Peluang perniagaan kiosk dengan modal berpatutan seharusnya direbut kerana dapat meningkatkan lagi ekonomi umat Islam terutamanya di negara ini," ujarnya.

Maklumat lanjut mengenai Hana Gold boleh didapati dengan melayari laman web